



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 12 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENTERNAK AKUAKULTUR TERENGGANU RUGI BANJIR GELOMBANG PERTAMA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	FAMA MULA EKSPORT PRODUK HALAL TEMPATAN KE FILIPINA, SINAR ISLAM, SIANR HARIAN, M/S – 17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PETANI RUGI RM20 JUTA AKIBAT BANJIR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	5,550 PETANI RUGI RM20J AKIBAT BANJIR, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
5.	BANGKIT DENGAN 'BAWANG', LOKAL. HARIAN METRO, M/S – 13	LAIN-LAIN
6.	PENGHIJRAHAN BERBALOI, BEKAS PEGAWAI TENTERA BERJAYA CEBURI BIDANG PERTANIAN, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Penternak akuakultur Terengganu rugi banjir gelombang pertama

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA TERENGGANU: Seramai tujuh penternak akuakultur di negeri ini menanggung kerugian hampir RM170,000 apabila kawasan dan hasil ternakan mereka musnah dalam bencana banjir, baru-baru ini.

Penternak yang terjejas dengan gelombang pertama banjir dari 24 November hingga 5 Disember lalu itu melibatkan lima daerah dengan pengusaha akuakultur dari Setu pa-ling banyak menanggung kerugian yang dianggarkan bernilai

RM62,000.

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu, Pang Nyukang berkata, kejadian banjir kali ini menjejaskan penternak ikan dalam kolam dan sangkar.

Katanya, kerugian dinilai berdasarkan beberapa perkara iaitu kerosakan struktur sangkar, jumlah pukut sangkar koyak dan rumah operasi di atas sangkar yang pecah.

"Selain itu, sangkar hanyut bersama ikan dan pecah, kolam ternakan ditenggelami air menyebabkan ikan terlepas dan jumlah ikan yang terlepas serta mati," katanya kepada Utusan

Malaysia di sini.

Banjir yang mula melanda 22 November lalu memaksa hampir 11,000 penduduk berpindah ke lebih 500 pusat pemindahan sementara di lapan daerah di negeri ini.

Pulau Redang di Kuala Nerus menjadi lokasi pertama terjejas banjir diikuti Pulau Perhentian, Besut sebelum ke daerah-daerah lain.

Beliau berkata, ketika ini Jabatan Perikanan Terengganu dalam proses perbincangan dengan untuk menyalurkan bantuan kepada penternak akuakultur yang terjejas.



BANJIR gelombang pertama yang melanda turut menjejaskan golongan penternak akuakultur Terengganu yang berdepan kerugian dianggarkan hampir RM170,000. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2025	SINAR HARIAN	SINAR ISLAM	17

FAMA mula eksport produk halal tempatan ke Filipina

MALAYSIA terus memperkukuh kedudukannya sebagai pengeksport produk halal di rantau ASEAN menerusi penghantaran fasa pertama dua kontena produk agromakanan bernilai RM338,408 ke Filipina, dengan jumlah eksport keseluruhan dijangka mencecah RM4.15 juta hingga tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, kerjasama perdagangan dan perluasan pasaran halal ke Filipina menandakan rekod baharu sekali gus menjadikan republik itu sebagai pasaran halal keempat terbesar negara, selepas China, India dan Indonesia.



AMINUDDIN

"Penghantaran itu merupakan sebahagian Program Penerokaan Pasaran Filipina membabitkan 20 kontena ke Manila dan Marawi secara berfasa, merangkumi lapan unit simpanan stok (SKU) produk Agromas termasuk kopi, mi segera, marjerin dan ayam segar," katanya pada Majlis Pelepasan Produk Agromakanan Ke Pasaran Filipina di Ibu Pejabat FAMA, Bandar Baru Selangor baru-baru ini.

Aminuddin berkata, Malaysia memiliki kekuatan sebagai pengeluar produk halal manakala Filipina semakin menitikberatkan pensijilan halal, menawarkan peluang pasaran yang lebih besar kepada produk negara. - Bernama

FOTO: BERNAMA

AMINUDDIN membuat pelepasan pada Program Pelepasan Produk Agromakanan ke Pasaran Filipina yang diadakan di Ibu Pejabat FAMA baru-baru ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Petani rugi RM20 juta akibat banjir

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Sebanyak 5,550 petani di bawah kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menanggung kerugian sehingga RM20 juta akibat banjir pada bulan lepas yang menjejaskan kegiatan penanaman padi masing-masing.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, hasil bantian awal menunjukkan sebanyak 11,658 hektar sawah terjejas, meliputi 5,721 hektar di Wilayah I, Perlis, 5,648 hektar (Wilayah II, Jitra), 272 hektar (Wilayah III, Pendang) dan 17 hektar (Wilayah IV, Kota Sarang Semut).

Katanya, kebanyakan tanaman berada pada usia tujuh hingga 45 hari ketika bencana tersebut sekali gus menjejaskan pendapatan pesawah serta mengganggu jadual penanaman musim kedua tahun ini.

"Pihak MADA masih menjalankan bantian di kawasan terjejas bagi memastikan semua pesawah yang layak menerima bantuan dan pampasan sewajarnya melalui skim perlindungan risiko sedia ada, termasuk Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).

"MADA turut mengemukakan permohonan peruntukan pasca banjir sebanyak RM11.2 juta daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk kerja pembaikan infrastruktur seperti ban runtu, jalan ladang dan tali air," katanya pada sidang akhbar di



Pihak MADA masih menjalankan bantian di kawasan terjejas bagi memastikan semua pesawah yang layak menerima bantuan dan pampasan sewajarnya..."

ISMAIL SALLEH



sini semalam.

MADA turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM611,000 bagi melaksanakan kerja keceemasan di semua wilayah yang terjejas untuk memastikan petani dapat meneruskan aktiviti penanaman secepat mungkin.

"Selain itu, RM1.1 juta turut diperuntukkan bagi tiga pusingan pembersihan saliran dan pengairan supaya sistem air kembali berfungsi bagi musim ini," katanya.

MADA akan mengemukakan beberapa langkah kepada kerajaan untuk menangani kemero-

sotan hasil tanaman padi di seluruh negara termasuk kawasan itu.

Ismail berkata, jika dibandingkan prestasi 2014 dan 2025, dalam tempoh 10 tahun itu hasil padi berkurang sehingga 25 peratus dan di kawasan MADA sebanyak 1.6 peratus.

"Ia berpunca daripada pelbagai faktor termasuk kesuburan tanah, cuaca, baja dan penyakit.

"Bagi menangani masalah ini, MADA mencadangkan formula baja digunakan ketika ini diperbaharui selain mempelbagaikan penggunaan benih padi," katanya.

5,550 petani rugi RM20j akibat banjir

- Kerugian di kawasan MADA bulan lepas
- Kebanyakan tanaman baharu berusia 45 hari

Oleh JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR - Seramai 5,550 petani di kawasan Muda terpaksa menanggung kerugian sehingga RM20 juta akibat banjir pada bulan lepas yang menjejaskan penanaman padi masing-masing.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, hasil bancia awal menunjukkan sebanyak 11,658 hektar sawah terjejas meliputi 5,721 hektar di Wilayah I Perlis, 5,648 hek-

tar (Wilayah II Jitra), 272 hektar (Wilayah III Pendang) dan 17 hektar (Wilayah IV Kota Sarang Semut).

Katanya, kebanyakan tanaman berada pada usia tujuh hingga 45 hari ketika bencana berlaku sekali gus menjejaskan pendapatan pesawah serta mengganggu jadual penanaman musim kedua tahun ini.

"Pihak MADA masih menjalankan bancia di kawasan terjejas bagi memastikan semua pesawah yang layak menerima bantuan dan pampasan sewajarnya melalui skim perlindungan risiko sedia ada, termasuk Skim Takaful Tanaman Padi (STTP)."

"Bagi menangani situasi ini, pihak MADA turut mengemukakan permohonan peruntukan pasca banjir sebanyak RM11.2 juta

daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 7 Disember lepas.

"Peruntukan ini adalah untuk kerja pembaikan infrastruktur seperti ban runtuh, jalan ladang dan tali air," katanya dalam sidang akhbar selepas di Ibu pejabat MADA di sini semalam.

Selain itu, beliau menambah, MADA juga menyalurkan peruntukan sebanyak RM611,000 bagi melaksanakan kerja kecemasan di semua wilayah yang terjejas itu untuk memastikan petani dapat meneruskan aktiviti penanaman secepat mungkin.

"Selain itu, RM1.1 juta turut diperuntukkan bagi tiga pusingan pembersihan saluran dan pengaliran supaya sistem air kembali berfungsi dengan lebih cepat bagi musim ini," tambah Ismail.



CAMBAR fail menunjukkan beberapa pesawah melihat sawah yang tenggelam sepenuhnya akibat banjir di Kampung Alor Pak Ngah, Titi Haji Idris di Alor Setar pada bulan lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANG & N	MUKA SURAT
12/12/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

2030 PERAK SEJAHTERA

PEKERJA IT SAKIT KRONIK BINA EMPAYAR BLACK GARLIC

Bangkit dengan 'bawang'

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Kuala Kangsar

Bermula dengan pengalaman peribadi melawan penyakit kronik, kini bawang putih tunggal difermentasi atau *black garlic* menjadi sumber rezeki utama Zainul Halim Zainon, 56, menerusi jenama Mesra Herb.

Anak jati Kampung Kota Lama Kiri, di sini berkata, beliau sebelum ini menghidap diabetes, darah tinggi dan sakit jantung sehingga tidak mampu bangun pada 2019 sebelum seorang rakan memberinya lima botol *black garlic* untuk diamalkan.

"Selepas lima hari mengamalkannya, saya rasa perubahan ketara dan semakin sihat."

"Dari situ timbul keinginan untuk mengetahui cara menghasilkan *black garlic* bagi kegunaan sendiri," katanya.

Pekerja teknologi maklumat (IT) yang masih aktif itu berkata, bahan mentah bawang putih tunggal diperolehi dari Medan, Indonesia sebelum melalui proses fermentasi selama dua minggu bagi menghasilkan *black garlic*.



ZAINUL Halim (kanan) bersama Exco Perak, Datuk Salbiah Mohamed (tengah) dan Pengarah STeP, Mohamad Rozlan Mohamad Razalli. - Gambar Ihsan ZAINUL HALIM ZAINON

Menurutnya, proses fermentasi memerlukan penggunaan elektrik yang tinggi dengan kos operasi mencecah antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan, sekali gus menjadi cabaran utama perniagaan.

"Rasanya masam dan masin seperti buah prune. Namun, permintaan te-

tap tinggi terutama ketika pandemik Covid-19 apabila banyak artikel membinasakan kebaikan bawang putih," katanya.

Zainul Halim berkata, beliau memulakan perniagaan itu pada Julai 2020 dan menjalankannya secara serius bermula 2021 menggunakan simpanan periba-

di RM20,000 termasuk pembelian bawang putih tunggal secara dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Usaha itu membuahkan hasil apabila jualan menerusi platform Shopee mencatat keuntungan sehingga RM1 juta pada 2022.

Beliau kemudian mengo-

lah dan mengembangkan produk *black garlic* Mesra Herb kepada 24 produk termasuk kopi, teh, jus, campuran susu kambing dan sabun hasil kerjasama penyelidikan dengan pengkaji dari Mesir dan Bangladesh.

Kini, katanya, Mesra Herb mampu menghasil-

kan kira-kira 5,000 botol *black garlic* dan 3,000 kotak kopi sebulan bagi memenuhi permintaan pasaran.

Zainul Halim berkata, pasaran eksport produknya kini sudah menembusi Brunei, Singapura dan Kemboja dengan Brunei menjadi negara eksport pertama.

Beliau turut mengakui bantuan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) memainkan peranan besar dalam perkembangan syarikatnya apabila pegawai agensi itu melawat kilang pada 2023.

"STeP banyak membantu termasuk menaja reruai pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) serta membawa kami menyertai pameran di Singapura pada Ogos 2023 yang membantu mendapatkan pendedar di rantau Asia."

"Sokongan STeP membuktikan komitmen mereka sebagai agensi peneraju segmen 1 Keluarga 1 Usahawan, salah satu inisiatif dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini dalam perbincangan bersama pendedar di New Zealand dan Jepun tahir ini bagi memperluaskan lagi pasaran eksport produk *black garlic* Mesra Herb.

Penghijrahan berbaloi

Bekas pegawai tentera berjaya ceburi bidang pertanian

Oleh NORAFIZA JAAFAR

JEMPOL - Seorang bekas pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia, Leftenan (Bersara) Muhamad Nuraliff Ramani, 38, mengambil keputusan besar menamatkan perkhidmatan selepas 10 tahun dalam badan beruniform demi memberi tumpuan penuh kepada bidang pertanian.

Keputusan itu menjadi titik permulaan kepada perjalanan baharu apabila beliau menubuhkan syarikat Puncak Nadi Resources dan mengusahakan ladang tebu telur di atas tanah sewaan seluas sembilan ekar di Jempol sejak pertengahan tahun 2022.

Menurutnya, keputusan menamatkan perkhidmatan juga demi menjaga bapa yang menghidap kanser limfoma.

"Saya berhenti secara rasmi pada tahun 2023. Niat asal kerana mahu menjaga ayah, dan menumpukan perhatian penuh kepada tanaman tebu yang sebelum itu diusahakan secara separuh masa sekitar pertengahan 2022.

"Bermodalkan RM30,000 saya membuat sewaan tanah dengan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan seluas tujuh ekar di TKPM Air Kering, Felda Lui Timur dan 2 ekar Tanah orang kampung di Kg Peladang, Batu Kikir selain kos anak benuh, peralatan pertanian bagi membangunkan ladang berkenaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada peringkat awal, hasil tebu dijual kepada sebuah kilang memprosesan



Minuman tebu yang kini terdapat di pasaran.

tempatan untuk pasaran eksport ke Singapura sebelum beliau beralih kepada kaedah pasaran terbuka ke beberapa negeri termasuk Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor.

"Mulanya saya hanya tumpu pada bekalan tebu mentah, tetapi apabila berlaku lambakan dan harga jatuh, saya mula berfikir cara lain untuk kekal bertahan. Dari situ timbul idea menghasilkan minuman jus tebu siap minum.

"Produk itu kini dipasarkan di 12 cawangan stesen minyak Petronas terpilih sekitar Negeri Sembilan sejak awal tahun ini," katanya.

Kini, syarikatnya menghasilkan jus tebu asli dalam dua pilihan 300ml (RM4) dan 500ml (RM6) - dengan pengeluaran sekitar 200 ke 300 botol sebulan bagi jualan biasa dan mampu mencecah 1,000 botol ketika menyertai ekspo seperti MAHA, NS Fest, AgroFest dan Program Madani Rakyat.

Kongsinya, sepanjang tiga tahun mengusahakan ladang tebu, beliau ber-

depan pelbagai cabaran termasuk musim hujan berpanjangan, serangan serangga, serta kejatuhan harga pasaran namun pengalaman itu tidak mematahkan semangatnya.

Beliau kini dibantu beberapa pekerja sambilan ketika musim tuaian dan penanaman semula.

Ujarnya, proses menuai mengambil masa sembilan bulan untuk tuaian pertama dengan kitaran tanaman yang mampu bertahan hingga tiga tahun bergantung kepada penjagaan.

Strategi bisnes

"Sekarang saya menggunakan benih daripada tanaman sendiri dan dapat menjimatkan sehingga 70 peratus kos pengeluaran berbanding membeli dari kilang semasa awal-awal menceburi bidang pertanian.

"Sekarang saya beroperasi dengan modal yang ada, saya uruskan pengeluaran secara berperingkat untuk kawal kualiti dan hasil.

"Selain itu, saya juga dapat bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) untuk pembelian jentera, peralatan pertanian, dan Insentif lain untuk label dan pembojukan produk," jelasnya.

Dalam perkembangan terkini, bapa kepada dua anak itu berkata, kini dalam perancangan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menjalankan kajian inovasi teknologi High Pressure Processing (HPP) yang membolehkan produk minuman tebu tahan lebih lama bagi tujuan pasaran eksport.

Beliau turut merancang memperkembangkan variasi baharu minuman seperti tebu lemon, tebu kasturi dan tebu asam

Produk itu kini dipasarkan di 12 cawangan stesen minyak Petronas terpilih sekitar Negeri Sembilan sejak awal tahun ini."

- Muhamad Nuraliff

boi dalam masa terdekat bagi menarik minat pengguna pelbagai lapisan.

Produk keluarannya kini telah menerima pensijilan Halal dari JAKIM, MyGAP (Jabatan Pertanian Malaysia) dan Malaysia's Best (FAMA Malaysia).

Muhamad Nuraliff berpuas hati dengan pencapaiannya setakat ini dan berhasrat memperluas ladang tebu dalam tempoh tiga hingga empat tahun lagi dengan bantuan serta bimbingan pihak berwajib.

"Saya percaya pertanian adalah masa depan. Dengan usaha, pengetahuan dan sokongan kerajaan, kita boleh jadikan produk tempatan seperti tebu sebagai satu industri bernilai tinggi.

"Dalam dunia pertanian, minat dan ilmu adalah asas utama. Cari 'cikgu' atau orang lama yang berpengalaman, kemudian praktikkan.

"Bagi mereka yang baru mahu menceburi bidang ini, kena sedia dengan cabaran pemasaran, rancang jangka panjang dan manfaatkan bantuan daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian dan FAMA," katanya.



Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun (dua dari kanan) melawat reruai jus tebu keluaran syarikat diusahakan Muhamad Nuraliff.